

Najib terima RM642j dari Arab Saudi

Putera Faisal,
Kementerian
Kewangan Riyadh
pindah duit
ke akaun bekas PM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
dan Farah Marshita Abdul Patah
Bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKP) Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan kemasukan dana berjumlah RM642 juta daripada Putera Faisal Turki dan Kementerian Kewangan Riyadh, ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak.

Perkara itu disahkan Rosli Husain, 54, ketika memberi keterangan dalam perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Najib.

Saksi ke-57 pendakwaan itu, berkata dana berkenaan dimasukkan dalam akaun Najib yang berakhir dengan nombor 694.

Menjawab soalan peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Najib, sama ada beliau membuat siasatan ke atas akaun berkenaan, Rosli menjawab: "Ada."

Harvinderjit: Bolehkah kamu

SRC

sahkan ada kemasukan duit daripada Putera Faisal Bin Turki?

Rosli: Ada

Harvinderjit: Jumlah kemasukan adalah RM369 juta

Rosli: Ya, anggaran kasar

Harvinderjit: Ada juga kemasukan wang daripada Kementerian Kewangan Riyadh (Arab Saudi)

Rosli: Ya

Harvinderjit: Jumlah kemasukan RM243 juta?

Rosli: Ya


Sementara itu, ketika ditanya sama ada benar terdapat arahan meminta pihak AmBank untuk merujuk terlebih dulu kepada SPRM sekiranya ingin meminta dokumen membabitkan akaun Najib, Rosli menjawab: "Ya."

Harvinderjit: Arahan itu di bawah bidang kuasa apa?

Rosli: Saya tidak merujuk sebarang dokumen.

Sebaliknya, Rosli, berkata arahan itu adalah inisiatif beliau sendiri.

Rosli juga menafikan cadangan Harvinderjit bahawa arahan itu



Najib keluar dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas perbicaraan kes SRC International dan 1MDB, semalam. (Foto Azhar Ramii/BH)

dikeluarkan supaya pembelaan tidak dapat meneruskan kes.

Rosli: Tidak Yang Arif

Pada prosiding itu, Rosli turut menafikan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low menggunakan wang yang dimasukkan ke dalam akaun Najib untuk kegunaan sendiri.

Rosli berkata, hasil siasatan beliau mendapati Jho Low tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap wang RM170 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Rosli juga turut menafikan cadangan Harvinderjit bahawa beliau tidak menyalah lebih dalam mengenai kepentingan Jho Low dalam penyelewengan wang SRC.

Harvinderjit: Saya cadangkan log perbualan yang dirujuk dalam perbicaraan ini menunjukkan orang yang menyeleweng duit SRC adalah Jho Low.

Rosli: Saya tidak setuju.

Harvinderjit: Saya cadangkan log perbualan ini menunjukkan bahawa Jho Low tidak mengambil sebarang usaha untuk memaklumkan

Najib mengenai transaksi dalam tiga akaun peribadi milik beliau?

Rosli: Saya tidak setuju.

Log itu merujuk kepada perbualan yang diekstrak daripada peranti Blackberry milik tiga pegawai perhubungan Ambank Joanna Yu, Krystle Yap dan Daniel Lee, ketika serbuan dijalankan pihak SPRM di AmBank pada 6 Julai 2015.

Rosli juga tidak bersetuju dengan cadangan Harvinderjit yang mengatakan Jho Low mengawal akaun Putra Perdana Construction Sdn Bhd dan pengeluaran wang SRC masing-masing melalui Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan setiausaha syarikat, Jerome Lee dan Terence Geh.

Beliau berkata, bukan Jho Low yang memindahkan wang daripada akaun syarikat Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M) ke dalam akaun peribadi Najib, melalui bekas ketua pegawai eksekutifnya, Ung Su Ling.

Bagaimanapun, saksi itu berkata, sepanjang siasatan beliau tidak menjumpai sebarang komunikasi terus antara Najib, Jho Low dan Nik Faisal.